



Bencoolen 1st March 1800

alimed illness and a
ster afflictions have
led my acknowledging
your Lordship's kind
ring the Report of the
Commerce.

time with which the Inquiry
have been entered into &
in view of the evidence
ward have proved a
at to my proceedings, and
the advantage of advancing
which is admitted by the
to be important and
"

Yang Tertinta

Singapura
sebelum 1867

Panduan Pameran



كالرعن فقو مشى عيوب اهـ	سواء رخناد ببارو وقند رغولـ
تقانـ امقوون دان معاـنـ	فرـكـانـ كالـوـ اـدـيـقـرـكـهـ
ـتـكـلـمـ لـكـلـ بـعـدـ مـنـ قـنـ	ـكـلـرـنـ فـكـلـ جـانـ لـيـرـ دـلـمـ كـوـفـوـجـ
ـكـانـوـزـ سـعـنـيـكـلـ بـعـدـ فـنـ طـلـوـهـ	ـبـورـوـكـلـ بـاعـنـ دـانـ جـاـهـرـ
ـجـاتـرـ بـعـدـ جـيـرـكـ دـكـمـنـقـعـ بـالـيـ	ـكـيـلـاـقـنـ فـيـكـلـوـرـكـلـاـيـ
ـفيـكـلـاـنـ فـيـدـاـلـاـلـوـهـ دـاـلـهـ	ـسـيـلـيـكـاـنـ فـيـيـسـرـ عـلـيـ
ـسـيـنـقـنـوـتـ تـيـلـمـلـقـهـ مـالـهـ	ـسـيـلـاـطـائـعـ كـنـ لـيـنـ مـنـ تـقـعـاهـ
ـبـوـكـنـ كـلـوـصـيـرـ بـوـهـوـنـ دـانـ مـالـهـ	ـبـاشـقـلـوـكـلـاـنـ لـيـنـ غـلـهـاـ اـدـاـ
ـكـلـاـنـ اـهـ	ـ



Yang Tertinta

Singapura
sebelum 1867

PENGENALAN


Kebanyakan maklumat tentang apa yang kita ketahui mengenai sejarah awal Singapura bergantung kepada dokumen-dokumen dalam bentuk teks dan visual yang dimiliki oleh perpustakaan dan arkib. Dokumen-dokumen ini bukan saja memberikan maklumat tentang kejadian-kejadian masa lalu tetapi juga membolehkan kita memahami pandangan dunia orang-orang yang menghasilkannya.

Para sejarawan yang berminat tentang sejarah awal Singapura selalunya merujuk kepada dokumen-dokumen yang dimiliki institusi-institusi British. Bagaimanapun, dengan menggunakan bahan-bahan dari sumber-sumber yang lain, membaca semula dokumen-dokumen yang sedia ada untuk mendapatkan pengertian yang baharu, dan menyedari tentang wujudnya jurang maklumat, para sejarawan hari ini telah melukiskan gambaran yang lebih kompleks dan pelbagai tentang sejarah awal Singapura.

Pameran ini membawa kita kembali ke Singapura sebelum 1867 – satu tempoh yang kurang dirakamkan berbanding dengan waktu kemudiannya. 1867 adalah tahun Singapura, bersama dengan Negeri-Negeri Selat yang lain iaitu Pulau Pinang dan Melaka, menjadi tanah jajahan kerajaan British.

PELAN RUANG PAMERAN

- 1** SINGAPURA
SEBELUM 1800AN
- 2** SINGAPURA:
1819-1824
- 3** MENDOKUMENTASI
SEJARAH AWAL
SINGAPURA
- 4** 1867



SINGAPURA SEBELUM 1800AN

Sebahagian besar sejarah awal Singapura dikumpulkan menerusi dokumen dan carta-carta sejarah. Rekod terawal yang menyebut Temasek (nama purba Singapura) didapati pada abad ke-14. Seorang peniaga Cina, Wang Dayuan, telah menulis tentang wujudnya dua buah petempatan di pulau Temasek di dalam bukunya *Daoyi Zhilue* (Catatan Tentang Orang-orang Tak Bertamadun di Pulau-Pulau) pada tahun 1349. Manakala pada tahun 1365, puisi epik Jawa, *Nagarakatagama*, menyebut Temasek sebagai sebuah wilayah naungan empayar Majapahit. Pandangan tentang wujudnya petempatan di pulau Singapura dalam abad ke-14 telah diperkuatkan dengan penemuan-penemuan arkeologi di Fort Canning Hill dan tebing Sungai Singapura. Singapura menjadi sebahagian daripada Kesultanan Melaka pada abad ke-15, dan Kesultanan Johor pada abad ke-16. Dokumen dan peta-peta awal memberikan gambaran sekilas tentang rumitnya kisah silam Singapura yang dicorakkan oleh perubahan kuasa antarabangsa dan rantau, perdagangan dan pertelingkahan kelautan.

SEJARAH MELAYU



Disunting oleh Munsyi Abdullah
Singapura, 1840
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Sulalat al-Salatin atau lebih dikenali sebagai *Sejarah Melayu*, adalah sejarah istana Melayu abad ke-17 yang penting, yang mengandungi cerita-cerita tentang sejarah awal Singapura. Antaranya termasuk cerita tentang bagaimana pulau ini dinamakan Singapura dan kejatuhan Singapura ke tangan tentera Majapahit.

Sebahagian ahli sejarah menggunakan *Sejarah Melayu* untuk menjelak asal usul Singapura hingga ke tahun 1299. *Sejarah Melayu*, yang mengandungi cerita-cerita tentang kebangkitan dan kejatuhan Kesultanan Melaka, disusun bukan untuk merakamkan peristiwa-peristiwa bersejarah tetapi bagi membantu memperkuat sokongan kepada raja-raja Melaka dan para pengganti mereka di Johor dan Riau. Mereka melakukannya dengan menjelak susur galur mereka melalui Singapura hingga ke Palembang.

PETA MAO KUN, DARI WU BEI ZHI



Mao Yuanyi (1594-1640)

China, lewat abad ke-19

Didermakan oleh Persatuan Persekutuan Suku Kaum Cina

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Peta Mao Kun dipercayai dilakar berdasarkan kepada ekspedisi Laksamana agung Ming, Zheng He, yang telah melakukan beberapa pelayaran dari China ke Asia Tenggara dan merentasi Lautan Hindi pada awal abad ke-15. Ia satu-satunya peta yang diketahui mempunyai nama Temasek (Danmaxi) yang ditanda pada sebuah bukit.

PETA BAHAGIAN SELATAN SEMENANJUNG MELAYU



André Pereira dos Reis

1654

Koleksi Muzium Maritim Rotterdam

Peta yang dilukis dengan menggunakan tangan ini adalah satu dari dua buah peta lama yang memaparkan nama *Shahbandaria* (ditulis di sini sebagai Xebandaria) di pulau Singapura. *Shahbandaria* atau Syahbandar adalah seorang ketua pelabuhan. Ini menunjukkan tentang wujudnya sebuah pelabuhan yang berfungsi di pulau itu


Toponim tambahan pada peta ini termasuk *Bareiras Vermelhas*, yang secara literal dalam bahasa Portugis bermakna “perintang merah”, yang merujuk kepada tanah bukit berwarna merah-jingga di Tanah Merah dan *Tanion Tanhit* yang mungkin dimaksudkan Tanjung Tauhid, yang kini dikenali sebagai Changi Point.

SINGAPURA: 1819–1824

Pada 6 Februari 1819, Sultan Husain, Temenggung Abdul Rahman, dan Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) yang diwakili oleh Stamford Raffles, telah menandatangani satu perjanjian yang memberi izin kepada British untuk menubuhkan sebuah *loji* atau kilang (pusat perdagangan) di tanah milik raja-raja Melayu. Perjanjian ini, bagaimanapun, tidak menjadikan Singapura sebuah tanah jajahan British. Hanya pada 1824 barulah Singapura diserahkan kepada British. Bagaimanapun, yang menarik ialah hingga kini tidak diketahui di manakah naskhah asal perjanjian-perjanjian ini disimpan. Yang ada hanyalah salinannya yang dibuat untuk tujuan penyimpanan.

Sebelum Jun 1823, Singapura ditadbir oleh tiga pihak – EIC dan dua orang raja Melayu. Kedua-dua Sultan dan Temenggung menganggap Singapura sebagai sebuah pelabuhan biasa Melayu, dan sebagai raja pulau itu, mereka berhak menerima sebahagian daripada hasil yang diperolehi. Raffles sebaliknya cuba mengekang dan mengikis kuasa mereka kerana menganggap mereka sebagai rakan kongsi yang tidak boleh dipercayai, yang boleh membantutkan pembangunan Singapura. Termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda dalam 1824 menyebabkan Belanda menarik balik bantahannya terhadap kilang British di Singapura. Ini membuka jalan kepada British untuk mengadakan rundingan bagi mendapatkan kedaulatan penuh Singapura.

SALINAN PERJANJIAN PERSAHABATAN DAN PERIKATAN 1819



Pulau Pinang, 1827
Koleksi Arkib Negara Singapura

Pada 6 Februari 1819, Syarikat Hindia Timur (EIC), yang diwakili oleh Stamford Raffles, telah menandatangani perjanjian dengan raja-raja Melayu Singapura, Sultan Husain dan Temenggung Abdul Rahman. Perjanjian itu memberi hak mutlak kepada EIC untuk menyewa sebidang tanah bagi mendirikan sebuah pusat perdagangan British. Sebagai ganjaran, raja-raja Melayu akan diberi wang pampasan tahunan. Temenggung juga akan mendapat separuh hasil pungutan cukai dari kapal-kapal anak negeri yang datang singgah di pelabuhan itu.

PERJANJIAN INGGERIS-BELANDA




London, 30 April 1824 (dimeterai)

Koleksi Nationaal Archief

Tujuan utama dilakar Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, yang juga dikenali sebagai Perjanjian London, adalah untuk menghuraikan perselisihan perdagangan dan wilayah yang telah berlarutan lama antara dua kuasa penjajah di Asia Tenggara itu. Sebagai sebahagian daripada perjanjian ini, Belanda bersetuju untuk menarik balik bantahan mereka terhadap petempatan British di Singapura. Sebelum perjanjian ini, Belanda menganggap kilang British itu sebagai tidak sah kerana British telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Husain, yang tidak diiktiraf oleh Belanda. Mereka mendakwa bahawa sultan Johor yang sebenar adalah Sultan Abdul Rahman, yang merupakan naungan mereka, dan Singapura adalah sebahagian daripada tanah miliknya.

PETA BUTE



Sekitar 1820

Koleksi Arkib The Bute di Mount Stuart

Peta ini, yang dikenali sebagai Peta Bute, adalah peta arah-darat Singapura yang terawal dan mungkin telah disiapkan dalam tahun pertama penubuhan pusat perdagangan British di Singapura. Sisa-sisa Singapura purba, di samping pangkalan-pangkalan tentera yang dirancang untuk didirikan, terpapar dalam peta ini. Ia memberikan gambaran menarik tentang pembangunan awal petempatan ini.

MENDOKUMENTASI SEJARAH AWAL SINGAPURA

Bahan-bahan penting tentang Singapura sebelum 1860an tidak sedikit jumlahnya; maklumat-maklumat dalam rekod pemerintah, manuskrip, peta, buku, karya seni dan gambar-gambar mengenainya begitu banyak sekali. Bagaimanapun, kebanyakan bahan-bahan ini dihasilkan oleh orang-orang Eropah untuk orang-orang Eropah, yang melihat Singapura dari perspektif penjajah.

Sebaliknya, bahan-bahan dari sumber-sumber bukan Eropah, agak terbatas. Hanya setelah meluasnya penggunaan teknologi percetakan pada lewat abad ke-19, barulah bahan-bahan penting dari penduduk setempat dan bukan Eropah boleh dirakamkan.

Keadaan tidak seimbang atau kekurangan bahan-bahan penting dari sumber bukan Eropah ini, mengakibatkan wujudnya jurang dalam memahami sejarah kita, terutama sekali mengenai kehidupan dan perspektif penduduk majmuk, yang membentuk majoriti masyarakat Singapura dalam abad ke-19.

Bahagian ini mempamerkan bahan-bahan cetak dan manuskrip sejarah awal Singapura. Sebahagian besar bahan-bahan ini dihasilkan oleh para penulis Eropah. Namun terdapat juga bahan-bahan yang tidak kurang pentingnya yang dihasilkan oleh rakyat tempatan walaupun jumlahnya sedikit. Ini akan membolehkan kita mendapat sekilas gambaran tentang kehidupan penduduk di tanah jajahan baru British pada ketika itu.

PELAN BANDAR SINGAPURA



Philip Jackson
London, 1828
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Apabila Raffles tiba di Singapura buat kali ketiga dan terakhir dalam Oktober 1822, beliau tidak berpuas hati dengan kemajuan petempatan ini. Beliau kemudian menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bandar untuk merangka rancangan masa depan petempatan ini. Garis panduan yang diberikan beliau kepada Jawatankuasa ini termasuk agar terdapat kawasan-kawasan tersendiri yang dikhususkan kepada pelbagai kaum yang ada di sini. Umpamanya "Campong Cina" dikhususkan kepada masyarakat Cina di tempat yang kini dikenali sebagai Chinatown.

PETIKAN SENARAI PENDUDUK SINGAPURA

Total of whole City of Singapore			
Engaged	72	33	105
Free Hindoos	19	19	39
Brahmins	1330	248	1538
Arabs	9	6	15
Chinese	119	312	431
White of European blood	143	13	156
Black of African blood	27	9	36
Armenians	9	—	9
Portuguese	27	28	55
Turks	27	11	38
Others	433	327	4110
Total	176	6	312
1744	2322	16332	

Disalin pada 28 Januari 1828
Koleksi Arkib Negara Singapura

Banci rasmi penduduk yang dijalankan buat kali kedua pada Januari 1828 merekodkan jumlah penduduk Singapura seramai 14,885 orang (tidak termasuk kakitangan tentera dan penjenayah). Ini satu pertambahan berbanding dengan 10,683 orang yang direkodkan dalam banci rasmi pertama yang dijalankan pada Januari 1824. Kedua-dua banci ini menunjukkan peningkatan penting jumlah penduduk sejak 1819 yang dianggarkan berjumlah 1,000 orang.

PAGODA HINDOO DAN MASJID (CHULIA), SINGAPURA




John Turnbull Thomson

Singapura, 1846

Ikhwan Koleksi Hocken, Uare Taoka o Hakena, Universiti Otago, New Zealand

Dilukis oleh Thomson, Juruukur Pemerintah Negeri-Negeri Selat, lukisan warna air ini menunjukkan dua buah bangunan keagamaan di sepanjang South Bridge Road. Di sebelah kiri lukisan adalah Kuil Sri Mariamman, kuil Hindu tertua di Singapura. Struktur *gopuram* (gerbang menara berbentuk piramid) kuil Hindu ini dibina dalam 1844, menggantikan struktur kayu dan atap yang dibina dalam 1827. Di sebelah kanan lukisan adalah Masjid Jamae. Selesai dibina dalam 1833, masjid ini juga menggantikan struktur kayu yang dibina pada lewat 1820an.

HALAMAN PEMBUKAAN SYAIR DAGANG BERJUAL BELI



Tuan Siami (atau Simi)

Singapura, 1830an

Koleksi Bibliothèque National de France

Syair ini unik kerana ia memberikan pandangan kritikal terhadap kehidupan pada zaman awal penjajahan berdasarkan perspektif setempat. Temanya adalah mengenai amalan perniagaan tidak adil yang dilakukan oleh EIC dan jaringan orang tengah orang Cina dan Indianya. Penulisnya dipercayai sama ada bernama Tuan Siami atau Simi. Beliau jelas pernah bekerja dengan EIC kerana syairnya memberikan gambaran bahawa beliau faham tentang cara kerja pemerintah kolonial - beliau memberitahu pembaca bahawa beliau menulis syair itu di dalam rumah kastam.

WASIAH TAN KIM SENG

This is the last Will and Testament of me, Tan Kim Seng, of Singapore, Merchant, Subject my wife, Tan See Hock, and Tan Kim Seng have brothers and sisters of this my Will. I declare that in making up the inventory and accounts of my estate, the value which has been fixed upon the several parts thereof in my books may be altered. I direct that no part of my property shall be sold by auction, but before my said brothers and sisters to lay out and expend the sum of five thousand Spanish Dollars where my funeral expenses, I bequeath to my wife, Tan See Hock, all the ornaments and jewels in her possession or which I shall have from time to time brought for her, for her own absolute use. I desire and direct my brothers and sisters to find someone and make over to trustees the sum of five thousand Spanish Dollars which I leave in trust in the town of Singapore to be held by such trustees in trust to lay out the said sum of five thousand Spanish Dollars or such amount as my said brothers and sisters shall direct and to let and manage the house or houses on the said piece of land and to find the interest, income and produce of said money, and part of land as the same shall stand due, and not by way of anticipation, to my daughter Tan See Hock, wife of Lee Hong Teck, during her lifetime, to her own sole and separate use, free from mortal control, and after and notwithstanding after her death to pay, assign and make over to trustees the sum of five thousand Spanish Dollars and her descendants' share, $\frac{1}{3}$ of a part of land situated in Telok Ayer Street in the town of Singapore, to be held by such trustees in trust to lay out and expend the said sum of five thousand Spanish Dollars in such amounts as my said brothers and sisters shall direct, and to let and manage the house or houses on the said piece of ground and to pay the interest, income and produce of said money and part of land, as the same shall stand due, and not by way of anticipation, to my daughter Tan See Hock, wife of Lee Hong Teck, during her lifetime, to her own sole and separate use, free from mortal control, and when and immediately after her death to pay, assign and make over the said principal sum of five thousand Spanish Dollars and the said piece of land to such persons or persons as the said Tan See Hock by his last Will and Testament or any kindred & kinsfolk there shall appoint, and finding any such appointment thus to have and hold the said principal sum of five thousand Spanish Dollars and the sum of the said sum of land which shall thus be sold, amongst the children of the said Tan See Hock, the shares of each of the said children respectively, as shall be sons to be double or twice the amount of the share of each of those as shall be daughters or in the proportion of two to one, the sum of any child of the said Tan See Hock who may have therefore died to take collectively the share which would have come to the parent if there alive. I give to my brother Tan See Hock a legacy of one thousand Spanish Dollars. I give to my nephews

Singapura, 13 April 1862

Didermakan oleh Koh Seow Chuan

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Tan Kim Seng (1805–1864) adalah seorang pedagang, pemilik harta tanah dan memimpin masyarakat terkemuka. Dilahirkan di Melaka, beliau datang ke Singapura dalam 1820an untuk memulakan perniagaan yang kemudian berkembang. Wasiat beliau memberikan kita gambaran tentang kekayaan beliau, di samping membolehkan kita memahami talian perhubungan keluarga beliau. Tan meninggal dunia dalam 1864 dan mempunyai harta yang ditaksirkan bernilai 2 juta dolar Sepanyol. Di samping banyak menghulurkan derma kepada badan-badan amal, Tan meninggalkan sebahagian besar kekayaannya kepada isteri, empat anak lelaki dan dua anak perempuannya.

PELABUHAN SINGAPURA DAN KAWASAN CINA



(Ilustrasi dari Ocherki Perom i Karandashom iz Krugosvetnogo Plavaniya v 1857, 1858, 1859 i 1860 godakh...)

Aleksei Vysheslavtsev


Saint Petersburg, 1862

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Ditulis dan dilukis di atas kapal *Plastun*, memoir ini mengisahkan tentang pelayaran kapal layar Russia ini dari 1857 hingga 1860. Jurnal ini juga mengandungi beberapa pemandangan terawal Singapura yang dirakam oleh seorang pelukis Russia. Kapal *Plastun* tiba di Singapura pada Julai 1858 dan berlabuh selama seminggu. Lukisan ini menunjukkan kawasan di Telok Ayer.

Pada 1826, Singapura bersama-sama dengan Pulau Pinang dan Melaka, menjadi Negeri-Negeri Selat. Dalam 1830, Negeri-Negeri Selat ini menjadi sebuah Residen yang diletakkan di bawah pemerintahan British di India. Ini bererti Singapura ditadbir oleh sebuah majlis perundangan yang berpangkalan di Calcutta (Kolkata). Kerana tidak mempunyai perwakilan rasmi di India, suara penduduk Singapura menjadi terbatas dalam proses meluluskan undang-undang dan peraturan yang menjelaskan kehidupan sehari-hari dan perniagaan mereka. Seawal 1840an lagi sebahagian penduduk Singapura telah menulis kepada Gabenor India meminta agar negeri ini ditadbir dengan lebih proaktif. Ini disusuli kemudiannya dengan permintaan agar Negeri-Negeri Selat diperintah sebagai sebuah tanah jajahan yang tersendiri. Ia menjadi kenyataan dalam 1867 dengan Singapura dipilih menjadi ibu negerinya.

SALINAN SURAT-SURAT PATEN NEGERI-NEGERI SELAT, 1867



Koleksi Arkib Negara United Kingdom

Negeri-Negeri Selat – yang terdiri dari Singapura, Melaka and Pulau Prince of Wales (Pulau Pinang) – menjadi sebuah Tanah Jajahan British pada 1 April 1867. Peristiwa penting ini dijadikan rasmi oleh Surat-Surat Paten Negeri-Negeri Selat 1867. Ia merakamkan pembacaan dan enakmen akta parlimen British yang mengesahkan pemindahan pentadbiran Negeri-Negeri Selat dari Calcutta, ibu negeri British India, ke Pejabat Kolonial di London.

TERIMA KASIH KERANA MENGUNJUNGI PAMERAN INI

Lungsuri www.nlb.gov.sg/exhibitions/ untuk mendapatkan maklumat mengenai program, bengkel dan lawatan berpandu kami.



Dianjurkan oleh



National Library
Singapore

